

Pengaruh Modal Sosial terhadap Pencapaian Pendidikan Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi

*Influence of Social Capital on Education Achievement
Case Study in Bandar Baru Bangi National Secondary School*

Muhammad Akmal Haziq Aznam

¹Zurinah Tahir

Program Sains Pembangunan
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutuan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: muhammadakmal862@gmail.com;
¹zurinah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Modal sosial adalah suatu bentuk hubungan antara manusia. Hubungan modal sosial ini ditentukan oleh beberapa indikator seperti norma dan maklumat yang dapat meningkatkan lagi kefungsian individu dalam masyarakat. Selain itu, modal sosial juga sering dilihat sebagai penanda aras untuk kecekapan masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat yang mempunyai kesihatan dan berfungsi dengan baik dikatakan masyarakat yang mempunyai modal sosial yang lengkap. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh dimensi modal sosial dalam pencapaian pendidikan pelajar. Kajian ini dilakukan di satu sekolah menengah harian biasa yang mengambil kira pencapaian pendidikan pelajar di sekolah tersebut iaitu pelajar-pelajar PT3, pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan pelajar-pelajar tingkatan 5. Kesimpulannya, dimensi dan bentuk modal sosial mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap pencapaian pendidikan pelajar.

Kata kunci: *Modal sosial, pencapaian, pendidikan, pelajar, ‘tindakan bekerjasama’*

ABSTRACT

Social capital is a form of relationship between human beings. This social capital relationship is determined by several indicators such as norms and information that can further enhance individual functionality in society. In addition, social capital is also seen as a benchmark for community efficiency. This is because, people with good health and well-being are said to have a complete social capital. This study aims to identify the dimensions of social capital dimensions in the achievement of student education. This study was conducted in a typical daily secondary school which takes into account the achievement of student education in the school, namely PT3 students, Form 4 students and form 5 students. In conclusion, dimensions and forms of social capital have a significant influence on the achievement of student education.

Keywords: *Social capital, achievement, education, students, cooperative action*

1. Pengenalan

Setiap aspek kehidupan manusia adalah berkaitan dengan sistem modal sosial. Modal sosial merupakan jaringan hubungan yang terbentuk sesama manusia yang dapat membantu serta mempertingkatkan koordinasi serta kerjasama antara individu bagi mendapatkan manfaat bersama ahli komuniti. Modal sosial adalah bahagian-bahagian daripada organisasi sosial seperti kepercayaan, norma dan jaringan yang dapat meningkatkan keberkesanan masyarakat dengan

mengawal tindakan-tindakan yang terkoordinasi. Modal sosial juga didefinisikan sebagai keupayaan yang muncul daripada kepercayaan umum di dalam sebuah masyarakat atau bahagian-bahagian tertentu daripada masyarakat tersebut. Selain itu, konsep modal sosial ini juga diertikan sebagai rangkaian nilai atau norma informal yang dimiliki bersama di antara para anggota suatu kelompok yang memungkinkan terjalinkannya kerjasama (Putnam, 1993; Fukuyama, 1999).

Modal sosial yang merujuk kepada corak organisasi sosial mahupun ekonomi, mengharapkan adanya jaringan kerjasama, rasa saling percaya, dan kepatuhan terhadap aturan dalam kerjasama (Yohanes, 2009). Menurut Hanifan (1916) modal sosial adalah perkara penting yang perlu diberikan perhatian dalam kehidupan harian manusia seperti nama baik, persahabatan, keadaan saling memahami, hubungan sosial sesama individu dan keluarga yang membentuk unit sosial. Jika seseorang individu berhubung dengan jiran dan kemudian dengan jiran yang lain, maka modal sosial akan terkumpul dan memenuhi keperluan sosial individu tersebut seterusnya berpotensi dari segi sosial meningkatkan secara jelas keadaan kehidupan seluruh komuniti (Woolcock & Narayan, 2000). Modal sosial dalam konteks ini merujuk jaringan sosial, rasa saling mempercayai serta hubungan yang terjalin antara komuniti yang akan menambah baik keadaan sosial, fizikal dan ekonomi juga kehidupan termasuk peluang bagi perubahan dalam kehidupan (Westwood, 2011).

Selain saling mempercayai, hubungan sosial komuniti yang mampu membentuk modal sosial juga merangkumi faktor saling bertimbang balik yang menerusinya komuniti dapat membentuk rantaian kerja yang boleh membangunkan ekonomi tanpa pergantungan. Keadaan ini dapat mewujudkan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan (Houstedde, 2009). Faktor saling mempercayai dan saling bertimbang balik ini dapat dipertingkatkan dengan interaksi sosial yang berlaku di kalangan komuniti yang boleh dilaksanakan melalui aktiviti sua muka (*face to face interaction*) atau pun melalui penggunaan teknologi baru yang membantu aktiviti jaringan sosial bagi komuniti. Namun begitu, walaupun interaksi sosial antara komuniti boleh dilaksanakan melalui teknologi baru namun interaksi sua muka tetap perlu dilakukan bagi tujuan ini (Green & Haines, 2012).

Modal sosial juga didapati mempunyai pertalian dan kaitan rapat dengan keupayaan komuniti (Rahim & Asnarulhadi, 2010). Modal sosial akan membantu membangunkan keupayaan komuniti melalui tindakan saling bekerjasama, membina dan mengekalkan hubungan yang kukuh, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan melaksanakan kolaborasi untuk merancang, membangunkan objektif dan seterusnya melaksanakannya secara efektif. Lebih tinggi modal sosial yang dimiliki oleh sesebuah komuniti, maka lebih tinggi keupayaan komuniti tersebut untuk beradaptasi dan mencari jalan untuk menangani kekurangan dalam komuniti. Ini kerana, komuniti yang mempunyai tahap modal sosial yang tinggi dapat mengenalpasti keperluan mereka, tujuan dan prioriti serta membangunkan perancangan dengan merasakan mereka adalah pihak yang perlu memperuntukkan sumber untuk melaksanakan apa yang dirancang dan menjalankan kerja yang perlu secara bersama bagi mencapai matlamat yang telah dikenalpasti tersebut (Phillips & Pitman, 2009; Mattessich, 2009).

Sebagaimana Rahim & Asnarulhadi (2010), Phillips & Pittman (2009) berpandangan bahawa semakin tinggi modal sosial yang dipunyai oleh sesebuah komuniti maka semakin berkebolehan komuniti tersebut beradaptasi dengan perubahan dan menangani kekurangan dalam modal-modal komuniti yang lain. Dengan itu, Green & Haines (2012) merumuskan bahawa modal sosial adalah merupakan asas kepada pembangunan modal komuniti yang lain seperti modal manusia dan modal kewangan yang akan seterusnya mempengaruhi pembangunan komuniti.

Beberapa sumber turut mengemukakan modal sosial dari segi penyeliaan, sokongan, maklumat dan norma yang mampu meningkatkan galakan dalam pendidikan. Perkara-perkara tersebut terhasil daripada hubungan antara rakan sebaya, guru dan lain-lain entiti selain daripada

keluarga. Sebagai contoh, guru dapat menggalakkan pelajar untuk meningkatkan usaha bagi memperbaiki pencapaian akademik melalui kursus persediaan ke universiti kepada pelajar sekolah yang tidak ada akses kepada maklumat terkini. Manakala kaunselor pula akan mengiringi pelajar untuk turut serta dalam lawatan ke institusi pengajian tinggi. Kakitangan di institusi berkaitan dengan perihal pendidikan pula akan menentukan pelajar yang sesuai menerima tajaan dan mempunyai kemampuan untuk mencapai prestasi akademik yang terbaik (Goyette & Conchas, 2002).

Kajian ini cuba meneliti pengaruh modal sosial ke atas pencapaian pendidikan pelajar. Antara sifat modal sosial adalah kumpulan dan jaringan, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, penyertaan sosial dan pendayaupaan. Aspek pencapaian pendidikan berdasarkan berdasarkan keputusan peperiksaan dan pencapaian pelajar di sekolah.

Secara kesimpulannya, modal sosial adalah salah satu komponen modal penting dalam rantaian nilai pembangunan komuniti. Semakin tinggi modal sosial sesebuah komuniti, semakin tinggi keupayaan mereka untuk beradaptasi terhadap perubahan yang berlaku dalam komuniti dan juga terhadap kekurangan yang ada dalam komponen-komponen modal yang lain komuniti seperti modal fizikal, modal kewangan dan juga persekitaran. Justeru itu, modal sosial adalah komponen yang penting bagi komuniti untuk mempunyai keupayaan untuk bertindak.

2. Kajian Literatur

2.1 *Modal Sosial dan Pencapaian Pendidikan*

Modal sosial adalah berasal dari ikatan perhubungan di kalangan manusia. Antara indikator modal sosial ialah seperti maklumat dan norma yang dapat meningkatkan fungsi individu. Contoh modal sosial ialah seperti modal sosial keluarga yang menjadi asas kepada modal sosial anak-anak khususnya yang berkaitan dengan pendidikan. Melalui pendidikan, ibubapa dapat menyediakan aspek-aspek yang dapat menghantar fakta dan pengetahuan berkenaan dengan perihal mendidik dan keuntungan di masa hadapan, menentukan prestasi dan menyediakan pertolongan bagi menjalani kehidupan berkenaan dengan pendidikan. Contoh modal sosial yang lain ialah modal sosial di sekolah yang berkaitan dengan hubungan akrab antara generasi (Crosnoe, 2004).

Sumber-sumber yang lain membincangkan modal sosial dari segi maklumat, penyeliaan, sokongan dan norma yang dapat menggalakkan kejayaan dalam akademik. Aspek-aspek tersebut diperolehi dari perhubungan individu dengan rakan sebaya, guru dan lain-lain entiti di luar daripada lingkungan keluarga. Sebagai contohnya, guru dapat menggalakkan pelajar untuk berusaha dalam meningkatkan pencapaian akademik melalui kursus persediaan ke kolej kepada individu yang menjadi pelajar sekolah yang tidak ada akses kepada fakta dan pengetahuan di rumah. Kauselor pula akan mengiringi pelajar sekolah untuk turut serta dalam lawatan ke institusi pengajian tinggi seperti kolej untuk menolong pelajar sekolah memilih dan memasuki institusi pengajian tinggi yang sesuai. Manakala, kakitangan di institusi berkaitan dengan perihal mendidik akan menentukan pelajar sekolah yang diteliti sebagai sesuai untuk institusi menerima tajaan dan mempunyai kemampuan untuk mencapai prestasi akademik yang baik (Goyette & Conchas, 2002).

Stones dan Hughes (2002) memberi pandangan bahawa pada ketika ini semakin pelbagai polisi dan juga sarjana-sarjana yang mempunyai kemampuan berkenaan dengan modal sosial bagi mengeluarkan keputusan di aras mikro misalnya aspek kebijakan kepada keluarga pelajar sekolah. Selain itu, mengeluarkan keputusan di aras makro juga diberi tumpuan sebagai contohnya aspek ekonomi yang mempunyai kemahiran, aktiviti politik yang mempunyai demokrasi dan masyarakat yang bertenaga. Modal sosial juga kerap kali dilihat mempunyai keserupaan dengan tanggapan masyarakat yang kuat dan membangun. Modal sosial kerap kali


dipandang sebagai indikator kemahiran sesebuah komuniti. Ini adalah disebabkan oleh sesebuah komuniti yang ditentukan sebagai sihat dan dapat menjalankan fungsi didapati ada modal sosial yang lengkap. Manakala dalam komuniti yang terputus hubungan, dapat digambarkan bahawa senario kurang kepercayaan, kurang tumpuan kepada awam, kurang jaringan sosial yang positif dan kurang kerjasama secara kolektif telah terjadi di kalangan anggota komuniti (Print & Coleman, 2003). Berdasarkan pernyataan Avis (2002), modal sosial dapat berfungsi sebagai satu alat yang boleh menghasilkan semula ekonomi dan kemampuan untuk bersaing serta saluran untuk menghasilkan kesatuan sosial dan penglibatan sosial.

2.2 Kerangka Teoritikal Pertalian Pembolehubah Modal Sosial

Terdapat pelbagai kajian dalam usaha untuk menentukan pengaruh yang terbesar dalam meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar. Untuk kajian ini, satu kerangka teoritikal akan dirujuk untuk menyusun dan mengkaji sejauhmana pembolehubah tertentu mampu meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar. Antara pembolehubah yang akan dikaji adalah bentuk modal sosial dan dimensi modal sosial.

Bentuk modal sosial terdiri daripada tiga komponen utama iaitu ikatan sosial, jambatan sosial dan hubungan sosial. Manakala dimensi modal sosial pula terdiri daripada kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial, dan yang terakhir adalah pendayaupayaan. Kesemua pemboleh ubah ini akhirnya akan membentuk suatu modal sosial dalam diri seseorang khususnya pelajar dan memberi kesan terhadap pencapaian pendidikan mereka. Modal sosial adalah berguna untuk membangunkan sumber yang ada pada individu menerusi aspek-aspek penting dalam modal sosial seperti penglibatan individu atau kumpulan dalam kategori hubungan sosial yang berbeza dalam komuniti. Ini adalah disebabkan oleh modal sosial adalah menjadi satu aspek pelaburan yang boleh dilakukan oleh individu atau kumpulan seperti pelaburan dalam bentuk hubungan sosial atau interaksi sosial individu. Melalui hubungan sosial tersebut individu akan terlibat dengan pertukaran maklumat, norma sosial dan sumber yang boleh membantu individu memenuhi tujuan yang diingini dalam kumpulan atau masyarakat (Noraniza Yusoff, 2015).

Pembolehubah modal sosial iaitu kerangka teoritikal pertalian pembolehubah modal sosial seperti di Rajah 1.



RAJAH 1. Kerangka Teoritikal Pembolehubah Modal Sosial
Sumber: Noraniza Yusoff (2015)

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif sepenuhnya yang mengguna instrumen soal-selidik untuk menganalisis pengaruh modal sosial terhadap pencapaian pendidikan pelajar. Kawasan kajian adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi yang melibatkan responden seramai 150 orang pelajar sekolah tersebut. Semua responden 150 orang terdiri dari kalangan pelajar tingkatan tiga, empat dan lima. Setiap responden diedarkan dengan soal-selidik bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Hasil soal-selidik yang dijawab oleh responden dianalisis menggunakan frekuensi analisis deskriptif.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Modal sosial mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar. Modal sosial yang berkesan perlu dipertingkatkan dan dijadikan suatu perkara wajib yang perlu dilakukan kepada pelajar supaya pencapaian pendidikan mereka dapat dipertingkatkan. Hasil penemuan kajian mendapati dimensi modal sosial ‘Pendayaupayaan’ mencatat purata skor min tertinggi iaitu 3.94 yang menjadi fokus utama dalam meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar (Jadual 1). Pendayaupayaan seorang pelajar adalah sangat penting menerusi kesedaran diri mereka sendiri untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Dimensi ‘pendayaupayaan’ adalah merangkumi item ‘Perasaan diri’ (4.00), ‘Kuasa untuk membuat keputusan’ (3.94) dan ‘idea diri sendiri’ (3.89).

Manusia tercipta dengan mempunyai perasaan, akal dan fizikal. Perasaan atau emosi amat mempengaruhi kepada tahap pemikiran seseorang. Kecerdasan perasaan ataupun emosi seseorang mampu membawa kepada perubahan diri dari segi mental dan fizikal. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi mempengaruhi tahap kejayaan seseorang individu. Kecerdasan emosi dan perasaan yang rendah mempunyai kesukaran yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin (Charbonneau & Nicol, 2001). Oleh itu, perasaan dan emosi pelajar di sekolah perlu dijaga supaya kecerdasan fikiran mereka tidak terganggu. Proses untuk membuat keputusan pula sememangnya penting dalam kehidupan. Akal adalah fitrah manusia untuk berfikir, tetapi dalam menggunakan akal biasa sesekali seseorang itu membuat keputusan yang salah kerana dia tidak menggunakan logik akalnya (Ainon Mohd, 2003). Setiap keputusan yang diambil adalah rasional tetapi ianya bergantung kepada keadaan atau situasi semasa individu tersebut dalam membuat keputusan. Ahmad Atory (1991) menyatakan bahawa keputusan adalah dianggap baik jika berkesan apabila dilaksanakan. Disebabkan hal ini, pelajar-pelajar perlu dibimbang oleh ibu bapa dan guru untuk membuat keputusan yang betul dan menjauhkan mereka daripada perkara yang mampu merosakkan kehidupan mereka. Selain itu, idea yang dikeluarkan oleh para pelajar perlu diraikan dan tidak sepatutnya ditolak oleh para guru maupun ibu-bapa. Idea tersebut diraikan dengan cara perbincangan dan pengolahan idea supaya pelajar dapat merasa idea yang dikeluarkannya dihargai. Pertimbangan dan rasa hormat kepada idea seseorang dapat membantu mengawal kecerdasan emosinya (Stogdill *et al.*, 1974). Sepertimana yang disebutkan di atas, perasaan dan emosi mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan pelajar.

Dimensi ‘tindakan bekerjasama’ menunjukkan purata skor min kedua tertinggi (3.93) dalam mempengaruhi pencapaian pendidikan pelajar. Hasil keputusan analisis mendapati item ‘Kerjasama di dalam kelas mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya (4.00), Kerjasama bersama guru mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya (4.00), Kepercayaan guru-guru terhadap saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya (4.39) mencatat tahap pengaruh yang tinggi. Menurut Borhan, (2001) pembelajaran koperatif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing adalah merupakan pembelajaran dalam kumpulan. Pembelajaran koperatif juga merupakan pendekatan pembelajaran yang mempunyai kelebihan kerana mereka lebih berpeluang untuk memberikan idea, berbincang dan berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri dan perkara ini termasuk kerjasama dengan guru serta ibu bapa. Pendekatan ini merupakan satu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Di peringkat sekolah menengah, pelajar-pelajar yang baru memasuki peringkat ini perlu diajar dan diterapkan nilai pembelajaran kendiri dan berdikari agar mereka bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Kaedah kumpulan sama kebolehan membolehkan guru membimbang pelajar mengikut kebolehan di samping menjalankan aktiviti-aktiviti pengayaan dan pemulihan mengikut keperluan masing-masing. Kaedah kumpulan pelbagai kebolehan telah memberi peluang mengamalkan pengajaran rakan sebaya, memupuk semangat kerjasama dan bertimbangrasa, perkembangan sahsiah dan kemahiran sosial. Pembelajaran koperatif juga dilihat sebagai suatu usaha ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian pelajar dan kemahiran kognitif (Slavin, 1995).

Dimensi modal sosial yang ketiga tertinggi adalah dimensi ‘kepercayaan’ yang mencatatkan min sebanyak 3.81. item di bawah dimensi ini adalah ‘kepercayaan ibu bapa (4.17), kepercayaan ahli keluarga (3.72), kepercayaan guru-guru (4.17) dan kepercayaan rakan-rakan (3.89)’. Kepercayaan memegang peranan penting dalam sesebuah hubungan. Solomon dan Flores (2003) menyatakan bahawa hubungan seseorang dengan orang lain memerlukan keberadaan kepercayaan. Begitu juga dengan pelajar-pelajar, keberadaan kepercayaan amat diperlukan untuk membantu mereka mencapai pencapaian pendidikan yang baik. Kepercayaan sangat diperlukan dalam menjalinkan hubungan interpersonal dan adaptasi (Duffy & Wong, 2000). Menurut Wentzel (2002), penyesuaian murid di persekitaran sekolah amat dipengaruhi oleh kerapatan dan

kerenggangan dalam hubungan antara guru dan murid. Kerapatan dalam hubungan antara guru dan murid yang ditunjukkan melalui kemesraan, kepercayaan dan darjah konflik yang rendah membolehkan seseorang murid berasa selesa dan membolehkan ia menyesuaikan diri dengan persekolahan. Keupayaan murid dalam membentuk hubungan yang positif, mesra atas dasar kepercayaan yang tinggi tanpa konflik mampu memberi kesan yang positif ke atas penyesuaian murid terhadap persekitaran pembelajaran di bilik darjah (Hamre & Pianta, 2001). Jurang kepercayaan terhadap seorang pelajar mampu mengakibatkan kesan yang tidak baik khususnya kepada pendidikan pelajar tersebut. Yasmin dan Najeemah (2012) mendapati jarak sosial dalam kalangan murid menjadi sempit akibat peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh guru dalam mendedahkan murid melalui pelbagai aktiviti di persekitaran sekolah usaha merangsang pembentukan hubungan etnik. Sehubungan itu, peranan dan tanggungjawab guru amat diperlukan untuk membolehkan usaha pemupukan perpaduan kaum dan pembentukan integrasi nasional dapat direalisasikan dari peringkat akar umbi lagi. Disebabkan perkara ini, ibu bapa, guru dan rakan-rakan perlu memberikan kepercayaan kepada pelajar dalam usaha untuk mendorong kepada pelajar tersebut mencapai pencapaian pendidikan yang lebih baik.

JADUAL 1. Pengaruh Dimensi Modal Sosial terhadap Pencapaian Pendidikan Pelajar

Bil	Item	Skor Min	Tahap Kepentingan
1.	Kepercayaan	*3.81	Tinggi
	i. Kepercayaan ibu bapa terhadap saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	4.17	Tinggi
	ii. Kepercayaan ahli keluarga(saudara-mara) terhadap saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	3.72	Tinggi
	iii. Kepercayaan guru-guru terhadap saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya	4.17	Tinggi
	iv. Kepercayaan rakan-rakan terhadap saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	3.89	Tinggi
2.	Tindakan Bekerjasama	*3.93	Tinggi
	i. Kerjasama di dalam kelas mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	4.00	Tinggi
	ii. Kerjasama bersama guru mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	4.00	Tinggi
	iii. Kerjasama bersama ibu bapa mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	4.39	Tinggi
3.	Pendayaupayaan	*3.94	Tinggi
	i. Perasaan saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	4.00	Tinggi
	ii. Kuasa untuk membuat keputusan mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	3.94	Tinggi
	iii. Idea yang dikeluarkan saya mempengaruhi kepada pencapaian pendidikan saya.	3.89	Tinggi

Nota: * =Purata Skor Min

5. Kesimpulan

Penyelidikan ini telah mengkaji kesan modal sosial ke atas pencapaian pendidikan. Keputusan kajian menggambarkan bahawa modal sosial memberi kesan ke atas pencapaian pendidikan dan mempunyai impak terhadap pelajar. Sumbangan keputusan kajian terhadap bidang ilmu sosiologi adalah berkenaan dengan teori jaringan sosial iaitu ikatan kuat dan nod (aktor individu dalam rangkaian) yang memberi kesan ke atas pencapaian pendidikan, namun ikatan lemah ada pertalian secara negatif dengan pencapaian pendidikan. Implikasi kepada polisi berkaitan dengan

pendidikan adalah pertalian dalam jaringan sosial yang merangkumi ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya dapat digunakan dengan sebaik mungkin untuk menolong pelajar meninggikan pencapaian pendidikan. Institusi-institusi seperti persatuan, kumpulan dan kelab adalah penting sebagai satu ruang yang membenarkan interaksi sosial di kalangan pelajar-pelajar sekolah luar bandar dengan ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya. Interaksi sosial pelajar sekolah luar bandar dengan rakan akrab atau kenalan dapat diperbaiki untuk menjadikan ikatan lemah sebagai satu alasan yang dapat meninggikan pencapaian pendidikan. Pihak sekolah dan ibu bapa perlu menjalankan tugas untuk menolong pelajar-pelajar sekolah luar bandar untuk menjadikan ikatan lemah lebih cekap dan berkesan dalam menolong meninggikan pencapaian pendidikan. Aktiviti-aktiviti pelajar sekolah luar bandar yang melibatkan rakan akrab atau kenalan juga perlu dilaksanakan selain dari aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan menerusi ikatan kuat.

Rujukan

- Abili, K. (2011). Social capital management in Iranian knowledge-based organizations. *Electronic Journal of Knowledge Management*, Vol. 9, Issue 3.
- Arneil, B. (2006a). Just communities: social capital, gender and culture. Dalam O'Neil, B. dan Gridengil, E. *Gender and social capital*. New York: Routledge.
- Arneil, B. (2006b). Diverse communities: the problem with social capital. Cambridge University Press.
- Crosnoe, R. (2004). Social capital and the interplay of families and schools. *Journal of Marriage and Family*, Vol. 66.
- Dahal, G. R. dan Adhikari, K. P. (2008). Bridging, linking and bonding social capital in collective action. CAPRI Working Paper No. 99. May 2008.
- Daniel, K. K. et al. (2013). Social capital dimensions and other determinants influencing household participation in micro-credit group in Uasin Gishu County, Kenya. *Agricultural Journal*, 8(3), 131-137.
- Dasgupta, P. dan Serageldin, I. (2000). *Social capital: a multifaceted perspective*. Washington: The World Bank.
- Davis, J. L. (2009). *The influence of social capital factors on African-American and Hispanic high school student achievement*. Tesis doctoral, University of Central Florida.
- De Jong, T. (2010). Linking social capital to knowledge productivity: an exploratory study on the relationship between social capital and learning in knowledgeproductive networks. Uitgeverij: Springer.
- Dinham, A. (2012). Faith and social capital after the debt crisis. New York: Palgrave Macmillan.
- Edwards, R. et al. (2003). Families and social capital: exploring the issues. London: Families & Social Capital ESRC Research Group.
- Fukuyama, F. (1999). *Social capital and civil society*.
- Goyette, K. A. dan Conchas, G. Q. (2002). Family and non-family roots of social capital among Vietnamese and Mexican American children.
- Herreros, F. (2004). *The problem of forming social capital: why trust?* New York: Palgrave Macmillan.
- Mohd Yusof Abdullah et al. (2011). *Sekolah berasrama penuh vs sekolah harian*
- Norasiah Sulaiman et al. (2014). *Analisis modal sosial terhadap tingkat pendapatan individu di Malaysia*. Prosiding PERKEM ke-9 (2014), 292-302.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: the collapse and revival of American community*. New York: Simon and Schuster Paperbacks.
- Siti Masayu Rosliah (2016). *Keupayaan ICT dalam meningkatkan pencapaian usahawan wanita*. E-Bangi UKM Journal of Social Sciences and Humanities

- Solomon & Florest (2003). *Building trust in business, politics, relationships and life*. Oxford University Press
- Wentzel (2002). *Are Effective Teachers Like Good Parents? Teaching Styles and Student Adjustment in Early Adolescence*.